

PENGHAPUSAN PERHAMBAAAN DI BORNEO UTARA SELEPAS TAHUN 1881 *Abolition of Slavery in North Borneo After 1881*

APING SAJOK¹
MAUREEN DE SILVA²

¹*Guru Akademik, SK Long Lapok, Baram, Sarawak*

²*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

¹*aping@gmail.com*

²*maureend@ums.edu.my*

Dihantar: 24 Jun 2022/ Diterima: 23 Oktober 2021/ Terbit: 21 Disember 2022

DOI: <https://doi.org/10.51200/jba.v7i1.1180>

Abstrak

Perhambaaan mempunyai fungsi yang sangat signifikan kepada manusia seiring dengan peredaran zaman, Masyarakat peribumi di Borneo Utara juga tidak terlepas dari pengalaman sistem tersebut yang berakhir selepas kedatangan Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU) pada tahun 1881. Perhambaaan dalam konteks masyarakat di Borneo Utara mempengaruhi banyak aspek, khususnya dalam sosiopolitik dan juga sosioekonomi mereka. Selain berfungsi sebagai buruh atau tenaga kerja, kewujudan hamba dapat melambangkan status, kuasa, pengaruh dan identiti masyarakat yang mengamalkannya seperti suku kaum Suluk, Bajau, Iranum dan Melayu Brunei. Malah, dalam konteks Borneo Utara juga memperlihatkan hamba berperanan sebagai fungsi dalam aktiviti sosial masyarakat tradisional, yakni sebagai trofi, berian ataupun korban dalam suatu upacara dan ritual bagi suku kaum seperti Murut, Kadazan, Dusun dan Rundum. Oleh itu, artikel ini akan memperincikan dasar dan tindakan yang dilakukan oleh SBBU dalam menghapuskan amalan tersebut di Borneo Utara. SBBU melihat perhambaaan sebagai suatu tradisi yang tidak berperikemanusiaan, serta bertentangan dengan perjuangan mereka yang mengangkat nilai-nilai kemanusiaan dan moral masyarakat. Usaha ini adalah selaras dengan tuntutan Piagam Diraja dan menjadi suatu anjakan untuk merubah dan memodenkan aspek sosial masyarakat di Borneo Utara. Justeru, artikel ini secara lanjut akan membincangkan lagi bagaimana dasar penghapusan tersebut dilaksanakan menerusi dasar dan undang-undang SBBU sehingga aktiviti perhambaaan terhapus sepenuhnya di Borneo Utara.

Kata kunci: Perhambaaan, SBBU, Borneo Utara, peribumi, dasar.

Abstract

Slavery has a very significant function for humans for centuries, and the indigenous people in North Borneo are also not exempt from the system which ended after the arrival of the North Borneo Chartered Company (SBBU) in 1881. Slavery in North Borneo affected many aspects, especially in their socio-political and socio-economic. In addition to functioning as labor or workforce, the existence of slaves can symbolize the status, power, influence and identity of the communities that practicing it such as the Suluk, Bajau, Iranun and Malay tribes of Brunei. In fact, slaves play a big role in the social activities of traditional societies such as trophies, gifts or sacrifices in a ceremony, also functioning as sacrifice in ritual for tribes such as Murut, Kadazan, Dusun, and Rundum. Therefore, this article will detail the policies and actions taken by SBBU in abolition the practice of slavery in North Borneo. SBBU sees slavery as an inhumane tradition, as well as against their struggle to uphold the humane and moral values of society. This effort is in line with the demands of the Royal Charter and is a move to change and modernize the social aspects of society in North Borneo. This article will further discuss how the abolition policy is implemented through SBBU policies and laws until slavery activities are completely eradicated in North Borneo.

Keywords: *Slavery, SBBU, North Borneo, native, policy.*

Pengenalan

Borneo Utara sebelum kedatangan SBBU pada tahun 1881 merupakan sebuah wilayah yang tertakluk di bawah pengaruh kekuasaan Kesultanan Sulu dan Brunei disebabkan oleh tidak wujud satu tampuk pemerintahan yang mentadbir wilayah ini. Ketiadaan sistem pentadbiran tempatan menyebabkan wilayah ini menjadi pusat kepada kegiatan perhambaan dan pemerdagangan manusia, khususnya di pantai barat yang diketuai oleh golongan Pangiran, yakni bangsawan Brunei, serta di pantai timur yang diketuai oleh golongan Datu ataupun golongan bangsawan dari Kesultanan Sulu. Malahan, kegiatan pelanunan di bahagian pesisiran pantai yang dilakukan oleh bangsa Iranum, Suluk, Bajau Ubian juga sering kali mengumpulkan hamba sebagai salah satu sumber pencarian mereka (Sullivan, 1981: 524-525). Kewujudan hamba dalam kehidupan masyarakat di Borneo Utara merupakan suatu fenomena yang sangat mempengaruhi ketiga-tiga aspek politik, ekonomi dan sosial. Hal ini demikian kerana fungsi hamba sebagai pelengkap yang signifikan kepada cara hidup dan pengamalan budaya tradisional yang memenuhi keperluan ataupun tuntutan masyarakat yang telah jauh meresap dalam mentaliti sosial mereka. Fenomena ini seperti yang dijelaskan oleh Archer (1988: 21) sebagai 'slave society' disebabkan oleh hamba dilihat sebagai aset yang mampu memberikan sebahagian besar pendapatan yang segera kepada golongan elit. Kerana itulah, perhambaan mewujudkan

suatu kitaran yang berpanjangan di Borneo Utara dalam stratifikasi sosial, yang dimanipulasikan oleh golongan bangsawan dan ketua-ketua suku kaum, yang menjadikan sesiapa sahaja dari golongan bawahan di Borneo Utara sebagai subjek kepada kegiatan perhambaan mereka.

Salah satu fungsi hamba yang unik di Borneo Utara ialah menjadi objek kepada ritual tradisional kepada suku kaum peribumi, selain menjadi aset kepada sumber ekonomi dan pengaruh politik untuk golongan elit. Umumnya, ketika itu suku kaum peribumi seperti Kadazan, Dusun, Murut, Rungus dan beberapa yang lainnya merupakan masyarakat pagan yang mengamalkan adat dan tradisi kuno yang dianggap kasar, tidak menitikberatkan mengenai nilai kehidupan serta hak asasi manusia yang menjadikan hamba sebagai alat kepada kelangsungan sosial dan tradisi kebudayaan mereka. Hamba dalam konteks ini dijadikan sebagai mangsa kepada tuntutan sosial dan korban kepada aktiviti ritual, dan terdapat beberapa contoh yang menjelaskan peristiwa tersebut. Noorazmil (2021: 202-205) menyatakan bahawa suku kaum Kadazan dan Dusun menggunakan hamba sebagai korban '*headhunting*' yang dijadikan sebagai trofi untuk membuktikan kepahlawanan mereka, upacara '*mensilad*' (BNBH, 1926) bagi menggelakkan nasib buruk dan juga kepala hamba yang dipenggal sebagai hantaran perkahwinan kepada pihak wanita². Selain itu, Tregonning (1965: 189) menyatakan masyarakat Murut menggunakan hamba sebagai korban ritual, iaitu dengan menusuk jantung korban tersebut menggunakan lembing agar mereka dapat berkomunikasi dengan roh orang yang sudah mati.³ Situasi ini menggambarkan fungsi hamba yang menjadi objek kepada aktiviti dan tradisi sosial yang tidak berperikemanusiaan dalam komuniti peribumi di Borneo Utara. Orang Eropah dalam SBBU melihat amalan ini sebagai suatu bentuk penghinaan yang melanggar hak asasi manusia dan bertentangan dengan moral dan prinsip mereka, umumnya peranan mereka dalam memperkenalkan ketamadunan Barat (Noorazmil, 2022) seperti dalam kenyataan Herman (2009) "*This was an affront to European sensitivities about the dead and only contributed to the barbaric image the Victorian audience got from Borneo.*"

SBBU mempunyai sebab dan alasan yang sangat kuat untuk menghapuskan sistem perhambaan di Borneo Utara, baik menerusi tanggungjawab dan nilai moral yang mereka dukungi, piagam diraja SBBU, serta menerusi dasar luar empayar Britain khususnya semenjak pelaksanaan Akta Penghapusan Perhambaan 1833 (*Slavery Abolition Act, 1833*). Rutter (1922: 127-218), menyatakan perintah dari Kerajaan British untuk tidak menggalakkan perhambaan dalam kalangan suku kaum peribumi, dan dihapuskan sepenuhnya secara beransur-ansur. Pentadbiran SBBU mengharamkan dan menghapuskan perhambaan menerusi Piagam Diraja dalam klausa 7, 8, dan 9, yakni SBBU

akan mengharamkan perhambaan dan menghormati adat serta kepercayaan yang diamalkan oleh penduduk tempatan (Tregonning, 1965: 187; Noorazmil, 2002: 200). Dasar ini merupakan suatu usaha dan tindakan yang bertentangan dengan adat tradisional dan kepercayaan masyarakat tempatan yang telah lama mengamalkan perhambaan, dan SBBU telah mengambil masa selama 20 tahun untuk menghapuskan perhambaan sepenuhnya dari Borneo Utara (Noorazmil, 2021: 200-201). Dasar pentadbiran yang dilakukan oleh SBBU memainkan peranan yang sangat besar bagi membendung kegiatan perhambaan di Borneo Utara terutamanya selepas 1881, walaupun kegiatan tersebut mempunyai kaitan yang sangat mendalam dengan masyarakat tempatan. Disebabkan itulah, menerusi dasar-dasar pentadbiran SBBU di Borneo Utara, artikel ini akan menghuraikan dan menganalisis pelaksanaan dasar yang memberikan impak terhadap penghapusan perhambaan di Borneo Utara dan cabaran yang dihadapi oleh SBBU dalam melaksanakan dasar-dasar tersebut.

Perhambaan di Borneo Utara

Amalan perhambaan yang terdapat di Borneo Utara sebenarnya agak berbeza dengan amalan perhambaan yang terdapat di tempat lain. Secara khususnya, kegiatan perhambaan yang terdapat di Borneo Utara sebelum dimansuhkan oleh SBUB dapat dibahagikan kepada dua, iaitu perhambaan di pantai barat dan pantai timur Borneo Utara yang mempunyai corak dan amalan berbeza. Kawasan pantai timur Borneo Utara yang meliputi kawasan Teluk Darvel termasuk juga Sandakan dan Kinabatangan adalah kawasan yang mana kadar amalan perhambaan sangat tinggi bilangannya. Di kawasan pantai Barat pula, ia melibatkan tempat tertentu, iaitu di sekitar kawasan Tempasuk hingga Teluk Marudu.

Pada asasnya, amalan perhambaan yang diamalkan di Borneo Utara adalah bertujuan untuk kepentingan diri, iaitu dalam bentuk kemegahan kerana memiliki ramai hamba yang dianggap sebagai harta kekayaan dan ketinggian darjat seseorang. Tambahan lagi, kegiatan ekonomi pada masa tersebut yang sangat sukar untuk dilaksanakan sememangnya memerlukan tenaga kerja yang ramai, yakni golongan hamba. Terdapat beberapa jenis hamba yang ada di Borneo Utara. Pertama, adalah hamba 'ulun ulih pesaka', iaitu orang yang menjadi hamba melalui perkahwinan disebabkan ibu bapa kepada seseorang adalah hamba. Justeru, gelaran hamba tersebut akan diturunkan kepada anak mereka apatah lagi jika keadaan ibu bapa kepada hamba sudah tua ataupun sakit. Secara tidak langsung, anak mereka akan dijadikan hamba bagi menggantikan peranan sebagai hamba kepada tuannya. Kedua, adalah hamba 'ulun ulih beli', iaitu golongan hamba yang diperoleh melalui pembelian atau tangkapan. Hamba dalam kategori ini dipercayai tidak boleh menebus diri sendiri dan hanya dibenarkan untuk bekerja dalam lingkungan yang terhad

(*Diary of Mr. W. Pretyman, First Resident of Tempasuk*, 19 September 1879). Dalam erti kata lain, hamba seperti ini tidak mempunyai apa-apa hak dalam kehidupannya (Tregonning, 2007: 234), dan kehidupan hamba tersebut adalah terletak pada pemiliknya.

Kategori hamba yang ketiga adalah hamba berhutang, iaitu merujuk kepada rakyat biasa yang dijadikan hamba kerana gagal melangsaikan hutang mereka dalam tempoh yang ditetapkan oleh si pemiutang. Selepas hutang berjaya dilunaskan, golongan hamba seumpama ini akan atau boleh menjadi rakyat biasa dan bebas untuk bekerja dengan sesiapa sahaja. Sepanjang tempoh menjadi hamba, mereka akan diarahkan untuk menjalankan kerja seperti bercucuk tanam, mencari hasil hutan dan juga kerja di rumah tuan kepada hamba tersebut. Walau bagaimanapun, golongan hamba yang berhutang ini dibolehkan untuk dijual oleh tuannya. Hasil daripada penjualan hamba ini dikira sebagai bayaran hutang oleh hamba tersebut dan tarafnya sebagai hamba akan tamat apabila hutang itu selesai dibayar. Walaupun hamba berhutang ini akan dibebaskan apabila hutang berjaya dilunaskan, tetapi kadangkala mereka ini akan menjadi hamba pada masa yang lebih lama apabila ditukar milik ataupun dijual oleh tuan mereka kepada pemilik lain.

Hamba warisan wujud apabila terdapat hamba yang berkahwin tetapi belum dapat melangsaikan hutang mereka ataupun sudah mempunyai keluarga sebelum menjadi hamba. Oleh itu, secara automatik anak isteri hamba yang berhutang akan turut menjadi hamba pada kemudian hari jika masih belum dapat melangsaikan hutang mereka. Dalam kes yang lain, golongan hamba ini berasal daripada keturunan hamba yang tidak dimerdekakan oleh tuan mereka. Oleh itu, keturunan mereka ini terus menjadi hamba. Hamba jenis ini boleh diperolehi secara jual beli, pemberian dan pertukaran (Zainal, 1996: 62). Pengikut juga merupakan suatu bentuk perhambaan tradisional yang berlaku di Borneo Utara pada ketika itu. Pengikut ini lazimnya diamalkan oleh semua golongan pembesar sama ada pembesar daripada Kesultanan Sulu, Kesultanan Brunei dan pembesar bebas. Pada asasnya, pengikut ini merupakan golongan yang terdiri daripada rakyat biasa mengabdikan diri mereka kepada mana-mana pembesar yang berkuasa di kawasan mereka. Golongan ini dianggap sebagai hamba dan kerap ditugaskan untuk menjadi pengawal dan utusan kepada pembesar tersebut ketika pembesar tersebut menjalankan tugas mereka ataupun mereka memerlukan tenaga kerja untuk menjalankan kerja-kerja di kawasan yang mereka jaga.

Seperti golongan hamba, pengikut pembesar ini dilihat seperti suatu perkara yang telah diterima oleh masyarakat bawahan dan hal ini diterima baik oleh rakyat tempatan. Namun, keadaan mereka amat terikat dengan apa yang

telah ditetapkan oleh pembesar yang menaungi mereka. Catatan daripada pegawai-pegawai British jelas menyatakan terdapat ramai pemimpin tempatan yang mempunyai pengikut sendiri dalam jumlah yang ramai seperti yang dicatatkan oleh Spencer St. John mengenai pemimpin Bajau di Tempasuk dan Mengkabong yang mempunyai pengikut mereka sendiri. Sebelum kedatangan SBBU, penghapusan perhambaan di Borneo Utara menjadi sangat terkenal terutamanya selepas William Pryer yang memperkenalkan pelaksanaan undang-undang pembebasan hamba, terutamanya apabila terbukti hamba tersebut dianiaya oleh pemiliknya. Disebabkan itu, menerusi catatan Pryer sendiri, ramai hamba yang telah dibebaskan oleh beliau. Salah satu caranya adalah dengan membeli hamba daripada pemimpin tempatan dengan harga \$40 dan \$50 dollar sahaja. Kemudian, golongan hamba yang dibelinya akan diberikan pekerjaan bergaji bagi mereka membayar semula hutang mereka (NBCA No. 1419 – Diary Sandakan 29 September 1879 to 16 December 1880).

Penghapusan Perhambaan Selepas Tahun 1881

Kejayaan SBBU mendapatkan piagam Diraja daripada Kerajaan British telah membawa kepada era penghapusan kegiatan perhambaan di Borneo Utara kerana tanggungjawab untuk menghapuskan amalan tersebut adalah prasyarat terhadap pemberian piagam tersebut. Walaupun pada tahun sebelumnya pelbagai langkah untuk menghapuskan amalan perhambaan di Borneo Utara telah diambil oleh British, ia masih tidak mencukupi kerana tidak ada arahan dan undang-undang khusus mengenai penghapusan perhambaan di Borneo Utara. Oleh itu, usaha yang dijalankan tidak begitu menyeluruh apatah lagi mereka hanya tertumpu kepada pembasmian aktiviti pelanunan yang banyak mengganggu aktiviti perdagangan termasuk melibatkan pedagang Eropah. Hal ini menyebabkan saranan supaya menghentikan amalan perhambaan kurang mendapat perhatian atau kurang diambil peduli oleh masyarakat yang terlibat.

Penghapusan kegiatan perhambaan yang terdapat di Borneo Utara sebenarnya berlaku dalam dua waktu yang berbeza, yakni sebelum dan selepas SBBU mendapat piagam daripada Kerajaan British. Pada peringkat awal, tumpuan diberikan terhadap serangan dan penghapusan lanun-lanun yang menguasai perairan Borneo serta pemusnahan penempatan yang menjadi sarang kepada lanun-lanun tersebut. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, kegiatan pelanunan di Borneo bukan sahaja tertumpu kepada rompakan barang dagangan tetapi juga berkait rapat dengan kegiatan menculik anak kapal dengan tujuan dijual sebagai hamba. Oleh itu, tumpuan utama kuasa British pada waktu tersebut ialah penghapusan lanun-lanun yang turut menjadi dalang kepada kegiatan perdagangan hamba. Lantaran itu, SBBU juga bertindak menghapuskan perhambaan bagi melindungi masyarakat

peribumi dan generasi baharunya agar lebih terdidik, tidak terdedah dan tidak lagi mengamalkan sistem perhambaan tersebut seperti yang dijelaskan dalam laporan SBBU, iaitu:

"The slavery laws, which were promulgated immediately after the granting of the charter, are rigidly carried out, and as they provide against the importation of new slaves from other countries, and no child can since that date be born a slave, the system is gradually dying out" (NBCA No. 1416 – Session Judge, British North Borneo and Labuan).

Terdapat beberapa dasar dan usaha yang bertujuan untuk menghapuskan amalan perhambaan di Borneo Utara yang wujud selepas penubuhan SBBU. Tindakan ini berbeza dengan fasa awal kempen penghapusan perhambaan di Borneo Utara yang lebih tertumpu kepada serangan langsung terhadap mana-mana pihak yang terlibat. Dalam fasa yang kedua, yakni selepas pemberian piagam kepada syarikat, usaha yang dijalankan lebih kepada penguatkuasaan undang-undang. Penghapusan secara amalan perhambaan di Borneo Utara sebenarnya bermula selepas pihak syarikat berjaya mendapatkan piagam Diraja daripada Kerajaan British. Hal ini demikian kerana dalam piagam tersebut jelas bahawa Kerajaan British di bawah Ratu Victoria mahukan supaya amalan perhambaan yang terdapat di tanah jajahan mereka dihapuskan. Arahan ini jelas bahawa semua pihak yang mewakili Kerajaan British sebagai penguasa jajahan bertanggungjawab untuk menghapuskan amalan perhambaan di kawasan mereka sendiri (*Slavery in North Borneo*, Mikrofilem 380/82).

Di Borneo Utara juga, selepas sahaja mendapat mandat rasmi untuk mentadbir Borneo Utara daripada Kerajaan British, William Treacher telah mula menghapuskan aktiviti perdagangan hamba terutamanya di kawasan pantai timur Borneo Utara seperti Lahad Datu, Kinabatangan dan Tungku yang menjadi pusat utama aktiviti jual beli hamba serta di kawasan pantai barat seperti di Tempasuk dan Teluk Marudu. Oleh kerana aktiviti penjualan hamba ini melibatkan kegiatan lanun, maka langkah pertama yang dijalankan adalah membasmi kegiatan lanun yang berleluasa di perairan Borneo (Tregonning, 2007). Dalam artikel tujuh piagam Diraja tersebut ia menyatakan bahawa;

"7. The company shall to the best of its power discourage as far as may be practicable. Abolish by degrees any system of domestic servilage existing among the tribes of the coast of interior of Borneo. And no foreign, whether European, Chinese, or other shall be allowed to own slaves of any kind in the company territories." (*Slavery in North Borneo*, Microfilm 380/82).

Berikutan dengan ini, pihak pejabat Tanah Jajahan melalui surat kepada Gabenor Borneo Utara juga telah mengarahkan supaya semua bentuk amalan perhambaan domestik yang diamalkan oleh kaum yang tinggal di pesisir atau pedalaman Borneo Utara haruslah dihapuskan. Hal ini

selaras dengan artikel ketujuh dalam piagam Diraja British yang melarang semua kaum daripada mengamalkan kegiatan perhambaan ini. Selain itu, orang Eropah, Cina atau mana-mana orang asing turut dilarang daripada menjual, membeli, memiliki, atau mengambil hamba dalam bentuk apa pun dalam lingkungan kawasan pentadbiran SBBU (*Miscellaneous File, the British North Borneo Company File E.34, Instructions to the Governor of British North Borneo, 02 August 1882*).

Peruntukan untuk memastikan penghapusan amalan perhambaan dalam piagam tersebut sebenarnya dilakukan kerana mengambil kira kepentingan pihak British di rantau ini khususnya dalam kegiatan perdagangan. Oleh itu, kegiatan pelanunan yang mempunyai kaitan dengan perdagangan hamba hendaklah dihapuskan. Kebimbangan Kerajaan British mengenai kegiatan perhambaan yang berlaku di kawasan Borneo turut mendapat perhatian dalam persidangan Parlimen British sehingga cadangan mengenai syarat penghapusan perhambaan sebagai klausa dalam piagam Diraja tersebut telah diwujudkan.

Terdapat beberapa undang-undang yang telah diperkenalkan bagi membasmi kegiatan perhambaan, sama ada di peringkat antarabangsa mahupun di peringkat tempatan. Oleh itu, salah satu langkah bijak yang telah dilakukan oleh BNBC adalah dengan mengiktiraf ketua suku kaum dalam sistem pentadbiran, iaitu dengan mengangkat status sosial ketua-ketua tersebut, dan meminta pertolongan ketua suku tersebut untuk menangani masalah perhambaan. Hal ini disebabkan mereka lebih dihormati oleh penduduk tempatan dan arahan mereka lebih *absolute* jika dibandingkan dengan arahan secara terus dari SBBU (BNBH, 1885: Noorazmil, 2021: 202). Keadaan yang sama juga berlaku di Borneo Utara yang mana pengurniaan piagam Diraja oleh Kerajaan British telah memberikan kuasa penuh kepada SBBU bagi melaksanakan penghapusan perhambaan yang telah memberikan kesan kepada pentadbiran SBBU. Melalui undang-undang tersebut juga, pihak berkuasa SBBU mempunyai kuasa untuk menangkap dan mendakwa mana-mana individu yang terlibat dalam perhambaan sama ada sebagai pemilik atau penjual. Sebagai contoh, kes pendakwaan tiga orang penjual hamba yang bernama Choe Yoe Lim, Tan Koh dan Lim Ah Sing yang berlaku di Sandakan telah dibicarakan di bawah seksyen 368, 370 dan 371 *Indian Penal Code* (*British North Borneo Herald*, 01 February 1886).

Indian Penal Code adalah undang-undang yang digunakan oleh mahkamah di Borneo Utara untuk mendakwa pesalah khususnya yang terlibat dalam kegiatan perhambaan. Ketiga-tiga seksyen yang digunakan adalah khusus untuk pesalah yang terlibat sebagai pembekal atau penjual hamba. Dalam Seksyen 368 jelas dinyatakan;⁴

"368. Wrongfully concealing or keeping in confinement, kidnapped or abducted person. Whoever, knowing that any person has been kidnapped or has been abducted, wrongfully conceals or confines such person, shall be punished in the same manner as if he had kidnapped or abducted such person with the same intention or knowledge, or for the same purpose as that with or for which he conceals or detains such person in confinement."

"370. Buying or disposing of any person as a slave. Whoever imports, exports, removes, buys, sell or disposes of any person as a slave, or accept, receives or detains against his will any person as a slave, shall be punished with imprisonment of either description for a term which may extend to seven years, and shall also be liable to fine."

"371. Habitual dealing in slaves. Whoever habitually imports, exports, removes, buy, sell traffics or deals in slaves, shall be punished with (imprisonment for life), or with imprisonment of either description for a term not exceeding ten years, and shall also be liable to fine."

Dasar ini merupakan dasar pertama yang dijalankan oleh pihak SBBUB apabila mereka secara rasminya mendapatkan kuasa ke atas Borneo Utara melalui pengurniaan piagam Diraja daripada Kerajaan British. Dalam dasar yang diperkenalkan ini, terdapat beberapa peruntukan yang telah ditetapkan oleh pihak SBBUB pada tahun 1881. Walau bagaimanapun, proklamasi ini dikatakan tidak berjaya kerana masyarakat tidak mengendhakkannya. Menurut K.G Tregonning (2007: 236), antara lainnya proklamasi ini menetapkan bahawa;

- a. Orang asing termasuk orang Eropah tidak dibenarkan mempunyai hamba di Borneo Utara, tetapi ini dikecualikan kepada golongan penduduk asli Borneo, Celebes mahupun Sulu yang telah menetap di kawasan tersebut dalam jangka masa lima tahun.
- b. Mereka boleh memiliki hamba dan hamba yang didapati melarikan diri akan dihantar semula kepada tuannya.

Menurut James Warren (1971: 316), walaupun undang-undang untuk menyekat kegiatan perhambaan tersebut telah dijalankan oleh SBBU, perdagangan hamba masih berterusan kerana masih mendapat permintaan daripada Kepulauan Sulu dan Brunei. Walaupun jumlah yang besar telah berkurangan sejak tahun 1878, tetapi masih terjadi terutamanya di bahagian perairan Borneo di Laut Sulu. Namun demikian, pentadbiran SBBU masih mengambil langkah berhati-hati dan memilih untuk menghapuskan amalan perhambaan dalam masyarakat Borneo Utara secara beransur-ansur (Warren, 1971: 316). Pengisytiharan proklamasi yang kedua pada tahun 1883 adalah langkah yang dinilai berkesan kerana menghapuskan perhambaan kerana mendapat tentangan daripada penduduk Bajau yang tinggal di sekitar teluk Darvel (Warren, 1971: 316).

Pengisytiharan Dasar *Anti-slavery* yang diwujudkan oleh SBBU di Borneo Utara sebenarnya mempunyai kaitan dengan perkembangan yang berlaku di dunia global yang mana gerakan untuk menuntut supaya amalan perhambaan dihapuskan telah mempengaruhi dasar penjajah terhadap amalan tersebut dalam tanah jajahan mereka. Kempen *Anti-Slavery* menjadikan perhambaan sebagai suatu sistem yang telah dihapuskan menjelang pertengahan abad ke-19 di seluruh negara Eropah dan tanah jajahan mereka. Menurut Jainuddin Malik, proklamasi yang kedua telah diumumkan pada tahun 1883 dan merangkumi peruntukan yang lebih tegas dan rigid dari segi hukuman bagi mereka yang cuba menentang atau mengingkari arahan undang-undang tersebut. Proklamasi 1883 ini mensyaratkan bahawa (Jainuddin, 2012: 34):

- a. Hamba dibebaskan dan akan dibawa ke Borneo Utara pada 1hb November 1883.
- b. Denda sebanyak \$5000 dikenakan bagi sebarang kesalahan.
- c. Hukuman penjara akan dikenakan terhadap mereka yang melanggar peraturan tersebut.

Tambahan itu, langkah susulan diambil bagi memastikan syarat yang telah ditetapkan dalam Proklamasi 1881 dan 1883 dipatuhi, tidak kira oleh orang asing ataupun penduduk tempatan sendiri. Berkaitan usaha drastik yang dijalankan oleh Treacher dalam menghapuskan amalan perhambaan di Borneo Utara, Tregonning menyatakan;

"Treacher felt secure enough in 1883 to follow up his first steps against slavery with more drastic measures. On the second anniversary of the granting of the charter he proclaimed that hence forward all slaves once brought onto Sabah by their owners would be free. Whether intended for sale or not. Any slave woman who had illicit connexion with, or a child by, either her master or any other person with the connivance of her master, would also be free. No inhabitant of Sabah could buy slaves overseas, whether in Sulu, Brunei or elsewhere and finally, all children born of slave parents after 01 November 1883 would be free." (Tregonning, 2007: 237).

Dalam erti kata lain, langkah agresif William Hood Treacher dari segi regulasi sedikit sebanyak telah mengawal dan mengurangkan amalan perhambaan di Borneo Utara. Treacher sedar penghapusan perhambaan secara sekali gus bukanlah suatu perkara yang mudah, apatah lagi jika amalan ini merupakan suatu budaya yang sudah sebatian dengan cara hidup masyarakat peribumi. Keadaan tersebut juga bertambah rumit dengan penglibatan masyarakat Islam yang mempunyai perspektif yang berbeza dengan beliau. Hal ini disebabkan SBBU tidak boleh terlibat secara langsung dalam melakukan campur tangan ke atas budaya tradisional penduduk tempatan (Noorazmil, 2021: 205) khususnya perhambaan yang banyak bersangkut paut dengan kepercayaan, adat dan tradisi mereka. Disebabkan itu, SBBU tidak dapat

mengharapkan bahawa penduduk tempatan dapat memberikan reaksi yang baik khususnya daripada kalangan pembesar tempatan. Menerusi catatan BNBC, Datu Tumanggung tidak berpuas hati dengan tindakan Wittti yang membebaskan hambanya di Ambong, meminta bayaran ganti rugi namun tidak diendahkan oleh Wittti. Tindakan Wittti mengundang kemarahan Datu sehinggakan beliau bersama pengikutnya melakukan percubaan serangan ke atas Wittti (*NBCA No. 882 – Wittti early report*). Penyelesaian SBBU ke atas isu tersebut adalah dengan menubuhkan Majlis Perundangan daripada kalangan pegawai British dan melantik Ketua Anak Negeri (*BNBH, 1900*). Penyelesaian ini juga menyebabkan mereka terikat kepada undang-undang yang diperkenalkan oleh SBBU, sekali gus memudahkan urusan khususnya dalam mempengaruhi masyarakat tempatan (Noorazmil, 2021: 206).

Lantaran itu, antara contoh penentangan lain ke atas dasar penghapusan sistem perhambaan di Borneo Utara adalah seperti yang direkodkan oleh Dobree yang menyaksikan sendiri tiga buah perahu yang penuh dengan hamba daripada Kepulauan Sulu untuk dijual, dengan keadaan hamba yang kelaparan dan hampir mati (*NBCA No. 1416 – Report in the Country in the Northern Portion of Borneo*). Pembesar tempatan dan golongan bangsawan khususnya dari bahagian pantai timur secara senyap-senyap menyeludup masuk hamba dari luar untuk diperdagangkan. Begitu juga dengan laporan Haynes yang menyatakan bahawa beliau terpaksa membeli hamba daripada Pangeran Kahar dengan jumlah 30 dollar disebabkan oleh penderaan hamba oleh pemiliknya (*BNBH, 1900*). Tindakan sedemikian terpaksa dilakukan demi mengurangkan jumlah hamba di Borneo Utara, sama ada secara pembelian semula hamba, ataupun secara agresif, yakni dengan hasil risikan dan serangan ke atas penduduk tempatan yang masih ingkar akan arahan SBBU. Antaranya adalah seperti laporan kes pegawai British di Tawau yang melaporkan penjualan hamba oleh Tegong, menyebabkan BNBC melaksanakan operasi mencari dan menangkapnya (*Despatches No. 15 – Chairman to Governor*).

Oleh itu, Treacher telah mengambil langkah berhati-hati dalam setiap tindakan yang dilaksanakan (T.P., 2005: 33). Setelah undang-undang ini dilaksanakan, pihak SBBU berjaya mengekang kegiatan perhambaan yang berlaku dalam kalangan masyarakat khususnya sebahagian kelompok kaum yang beragama Islam yang tinggal di kawasan pesisir. Walaupun langkah drastik yang diambil oleh pentadbiran SBBUB menyebabkan rasa kurang senang dalam kelompok masyarakat tersebut akan tetapi ia dilihat sebagai tindakan yang bersesuaian memandangkan keadaan ketika itu yang sangat kritikal dengan aktiviti jual beli hamba. Menurut Owen Rutter, melalui notis yang diberikan oleh Gabenor Borneo Utara pada tahun 1901-1904, iaitu Sir Ernest Birch tidak ada lagi kewujudan aktiviti perhambaan yang terjadi termasuklah suku kaum yang tinggal di pedalaman (Rutter, 2007: 74).

Kesimpulan

Sistem dan amalan perhambaan yang diamalkan di Borneo Utara merupakan suatu tradisi sosial sejak zaman berzaman dan telah mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan masyarakat peribumi. Hamba merupakan aset yang sangat bernilai bagi golongan elit bangsawan dari Kesultanan Sulu dan Brunei, khususnya sebagai sumber pendapatan mereka dalam aktiviti pemerdagangan manusia, mengukuhkan pengaruh, menjadi buruh dan tentera. Dapat juga dilihat bahawa hamba menerusi perspektif sosial suku kaum peribumi dijadikan sebagai objek dalam amalan tradisi dan kehidupan sosial sebagai korban yang mengabaikan nilai nyawa dan kehidupan mereka sebagai manusia. Pentadbiran SBBU pada tahun 1881 menganggap bahawa kegiatan perhambaan ini sebagai suatu tindakan kasar yang bertentangan dengan nilai moral, etika, hak dan pendirian mereka. Disebabkan itulah, wujud pelbagai dasar yang mengharamkan perhambaan, khususnya semasa pentadbiran Gabenor Tracher menerusi pelaksanaan Piagam Diraja SBBU. Pada peringkat awal, usaha tersebut sememangnya mendapat tentangan daripada penduduk tempatan khususnya bagi suku kaum dan golongan yang memonopoli sektor dan kegiatan perhambaan di Borneo Utara. Tambahan pula, sistem tersebut telah sebatik dalam kehidupan masyarakat peribumi yang menjamin kelangsungan politik, sosial dan ekonomi mereka. Pelaksanaan dasar penghapusan perhambaan bermula secara efektif pada tahun 1883, dan direkodkan tidak lagi wujud khususnya di kawasan pedalaman selepas tahun 1904 oleh Gabenor Birch. Walaupun begitu, penghapusan sepenuhnya sistem perhambaan di Borneo Utara sebenarnya mengambil tempoh selama 20 tahun, menunjukkan bahawa SBBU berjaya menghapuskan sepenuhnya perhambaan sama ada di kawasan pedalaman, mahupun di kawasan pesisir pantai yang menjadi sarang kepada kegiatan pelanunan.

Nota

¹ *"They have a custom of killing people in order to obtain a human skull, which they suspend as trophies from the roofs of their huts. It is from this custom these people have obtained the name of 'headhunters. But, notwithstanding the barbarous customs exist among them, they have many good quality (The very Rev. Thomas Jackson, Perfect Apostolic of Labuan and North Borneo, 1884: 2).*

² *"Slaves were also used to satisfy another barbarous custom; no woman would accept a man as her mate unless he showed a skull as a sign of his manliness" (Tregonning, K., G. 1965: 189)."*

³ *"The slave, purchase often at great sacrifice to the village, would be caged or tied securely, and then after twelve or twenty-four hours around the tapai jars the Muruts would either jab the victim to death, uttering with each jab a message in deceased relative or friend which the slave have expected to pass on, or else as the village shouted their messages to the dead they would transfix their slave at the end of a spear with one concentrated lunge through the heart (Tregonning, K., G. 1965: 189).*

⁴ Penggunaan Indian Penal Code di Borneo Utara dapat dilihat ketika pendakwaan kes penjual hamba yang telah ditangkap di perairan Borneo iaitu Choe Yoe Lim, Tan Koh dan Lim Ah Sing. Hakim Malcolm J. Brown telah menyabitkan perbuatan mereka dengan Seksyen 268, 370 dan 371 (British North Borneo Herald, 01 February 1886).

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

British North Borneo Herald, 01 February 1886.

British North Borneo Herald, 1885.

British North Borneo Herald, 1900.

British North Borneo Herald, 1926.

Daily Express. When Getting a Wife Meant First Getting a Head, 1991.

Despatches No.15 – Chairman to Governor, Names of Dyaks and Dusun Wanted by Government, 1907.

Diary of Mr. W. Pretyman, First Resident of Tempasuk, 19 September 1879.

HC Deb Vol. 268 – Slavery, The Slave Trade in Asia and Africa. 28 April 1882.

Miscellaneous File, the British North Borneo Company File E. 34, Instructions to the Governor of British North Borneo, 02 August 1882.

North Borneo Central Archive. No. 1419 – Diary Sandakan 29 September 1879 to 16 December 1880.

North Borneo Central Archive. No. 882 – Witt Early Reports: Extract from North Borneo Herald 1939.

North Borneo Central Archive. No.1416 – British Borneo (Session Judge, British North Borneo and Labuan), 1879.

Slavery in North Borneo, Mikrofilem 380/82.

Buku dan Jurnal

(t.p). (2005). *Sejarah Ringkas Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Gabenor Borneo Utara*, Kota Kinabalu: Perpustakaan Negeri Sabah.

Archer, L. (1988). *Slavery and Other Forms of Unfree Labour*. London: Routledge.

Black, I. (1970). *Native Administration by the British North Borneo Chartered Company, 1878 – 1915*. Canberra: Australian National University.

Black, I. (1984). *A Gambling Style of Government: The Establishment of Chartered Company Rule in Sabah 1878-1915*. New York: Oxford University Press.

Jainuddin Malik. (1991). *Sejarah Orang-orang Bajau Sabah: Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya.

Massey, A. (2006). *The Political Economy of Stagnation: British North Borneo Chartered Company 1881-1946*. Kota Kinabalu: The Sabah State Archives.

Noorazmil Noorta. (2021). *Sejarah Penjajahan British di Borneo Utara (1881-1963): Suatu Perspektif Darwinisme Sosial*. Tesis Sarjana (Tidak diterbitkan). Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UMS.

Rutter, O. (2007). *The Pagans of North Borneo*, Kota Kinabalu: Opus Publications.

Sullivan, A., & Leong, C. (1981). *Commemorative History of Sabah 1881-1981*. Sabah State Government.

Tregonning, K., G. (1965). *A History of Modern Sabah (North Borneo 1881-1963)*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Tregonning, K., G. (2007). *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Warren, J., Francis. (1971). *The North Borneo Chartered Company's Administration of the Bajau 1878-1909: The Pacification of a Maritime, Nomadic People*. Ohio University: Center for International Studies.

Zainal Abidin Abdul Wahid. (1996). *Malaysia: Warisan dan Pembangunan (edisi kedua)*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Laman Web

Slavery Abolition Act 1833, Dalam: <https://www.saylor.org/site/wpcontent/uploads/2011/05/Slavery-Abolition-Act-1833.pdf>.

Herman, "Myth & legends about headhunting in Sabah" Dalam http://www.flyingdusun.com/004_Features/041_headhunting.html